

Rujukan Kami : KKAIMB/400/02-01-001

Tarikh : 06 Mei 2026

Kepada :

Anggota-anggota

Koperasi Kakitangan Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (KKAIMB)

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN BERKAITAN PINDAAN KAEDAH PENGIRAAN KELAYAKAN
PEMBIAYAAN BERDASARKAN JAMINAN YURAN DAN SYER (CARUMAN
TERKUMPUL)**

Mesyuarat Lembaga KKAIMB Kali Ke-5 Sesi 2025 bertarikh 9 Mei 2026 telah meluluskan Pindaan Kaedah Pengiraan Kelayakan Pembiayaan Berdasarkan Jaminan Syer dan Yuran (Caruman Terkumpul)

2. Sehubungan dengan kelulusan tersebut adalah dimaklumkan bahawa pihak KKAIMB telah menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan pengiraan kelayakan pembiayaan bagi memastikan ketelusan dan mengurangkan risiko pertindihan penggunaan caruman terkumpul anggota.

3. Di bawah kaedah baharu ini, pengiraan kelayakan kini merangkumi Nilai Prinsipal (Pokok) dan Margin (Keuntungan). Perincian kaedah pengiraan adalah seperti berikut:

- Pembiayaan Mudah Tunai: Kelayakan dikira berdasarkan baki semasa caruman terkumpul sahaja.
- Pembiayaan Peribadi 1 & 2: Kelayakan memerlukan caruman terkumpul sekurang-kurangnya 15% daripada jumlah pembiayaan yang dipohon.

4. Berikut adalah Ilustrasi pengiraan kelayakan pembiayaan mengikut beberapa situasi:

SITUASI 1: Tiada Mempunyai sebarang pembiayaan dan kelayakan mohon salah satu jenis pembiayaan sahaja

Perkara	Pengiraan Kelayakan (RM)	Nota
A. Caruman Terkumpul	3,000	Jumlah simpanan syer dan yuran
B. Kelayakan Peribadi (prinsipal +margin)	20,000	(3,000 / 15%) 15% daripada jumlah pembiayaan yang dipohon
C. Kelayakan Mudah Tunai (prinsipal +margin)	3,000	100% dari caruman terkumpul

SITUASI 2: Ada Peribadi 1 (Baki 30k), Ingin Mohon Mudah Tunai (Baru)

Perkara	Pengiraan Kelayakan (RM)	Nota
A. Caruman Terkumpul Asal	10,000	Jumlah simpanan syer dan yuran
B. Baki Pembiayaan Peribadi	30,000	Baki semasa (Prinsipal + Margin)
C. Jaminan (15% dari B)	4,500	$(15\% \times B)$
D. Kelayakan Mudah Tunai (prinsipal +margin)	5,500	$(A - C)$

SITUASI 3: Ada Mudah Tunai (Baki 4k), Ingin Mohon Peribadi (Baru)

Perkara	Pengiraan Kelayakan (RM)	Nota
A. Caruman Terkumpul Asal	10,000	Jumlah simpanan syer dan yuran
B. Baki Pembiayaan Mudah Tunai	4,000	Baki Semasa (Prinsipal + Margin)
C. Caruman Bersih Tersedia	6,000	$(A - B)$
D. Had Kelayakan Peribadi (prinsipal +margin)	40,000	$(C/15\%)$

SITUASI 4: Ada Peribadi 1 (Baki 30k) & Mudah Tunai (Baki 2,500), Ingin Mohon Peribadi 2

Perkara	Pengiraan Kelayakan (RM)	Nota
A. Caruman Terkumpul	10,000	Jumlah simpanan syer dan yuran
B. Baki Pembiayaan Peribadi 1	30,000	Baki Semasa (Prinsipal + Margin)
C. Baki Pembiayaan Mudah Tunai	2,500	Baki Semasa (Prinsipal + Margin)
D. Jaminan Peribadi 1 (15%)	4,500	$(15\% \times B)$
E. Caruman Bersih Tersedia untuk kelayakan Peribadi 2	3,000	$(A - C - D)$
F. Had Kelayakan Peribadi 2 (prinsipal +margin)	20,000	$(C/15\%)$

Nota :

- Pengiraan margin : (pokok x tempoh (tahun) x kadar keuntungan %
- Refinance/Overlap : Pembiayaan semula hanya boleh dipertimbangkan sekiranya jumlah pembiayaan baharu (Pokok) adalah lebih tinggi daripada baki pembiayaan sedia ada selepas rebat.

5. Perubahan ini bertujuan memastikan anggota tidak terbeban dan kelayakan setiap jenis pembiayaan diasingkan dengan jelas mengikut baki caruman yang mencukupi.

6. Pihak KKAIMB amat menghargai kerjasama Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada Unit Pembiayaan.

Sekian, terima kasih.

"MEMBANGUN BERSAMA KOPERASI"

Yang diamanahkan,



NORHALIZA BINTI DOLLAH

Setiausaha Lembaga,

Koperasi Kakitangan Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (KKAIMB)

s.k: Fail Koperasi